

PART 6

2025 SPM SEJARAH

Prediction

THE LAST PART OF SEJARAH



by SPM Intelligent Team
@studytips.com.my

PART 6

RAMALAN 2025 SPM SEJARAH

SPM KERTAS 2			RAMALAN
2021	2022	2023	2025
TINGKATAN 5 BAB 8: MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA			
DEB - Latar belakang - Pelaksanaan - Kesan jika tidak dilaksanakan		Kejayaan DPN - Perindustrian berteknologi Tinggi - Kawasan Industri Baharu - Kereta nasional	-
TINGKATAN 5 BAB 9: DASAR LUAR MALAYSIA			
- Hubungan Luar KMM - Cara atasi konflik N. China & Amerika - Faktor penggubalan Dasar Luar M'sia	- Sebab penyertaan penglibatan dalam PBB - Dasar Aparteid		Dasar luar M'sia - Kepentingan / matlamat/ faktor SPM'24 - ASEAN / OIC / NAM - Matlamat / manfaat/ sumbangan - Sejarah/ kerjasama - Cara memupuk keamanan/ kestabilan Komanwel - latar belakang/ peranan/ sumbangan M'sia
TINGKATAN 5 BAB 10: KECEMERLANGAN MALAYSIA			
		Deklarasi Langkawi - Usaha / Manfaat Antartika - Peranan Malaysia PBB - Matlamat pembangunan Lestari	Kelestarian Global - Peranan Malaysia Penglibatan Malaysia - antarabangsa NGO / Palestin - Dadah / penyakit / kemanusiaan

Last Part of Sejarah

Today is the last part of Sejarah prediction. Hope you have gained the insight and memorised all the predictions nicely. The next lessons will be Bahasa Inggeris prediction. Please be consistent in your preparation. Good luck in your SPM!

Uncle Andrew

PART 6

Ramalan 2025 SPM SEJARAH

Contoh Soalan dan Jawapan

TINGKATAN 5 BAB 8: MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

tiada ramalan baca balik past year

TINGKATAN 5 BAB 9: DASAR LUAR MALAYSIA

1. Malaysia adalah sebuah negara yang aktif di persada dunia dengan keanggotaan di dalam organisasi serantau dan antarabangsa seperti Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

(a) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam organisasi berikut:

(i) ASEAN

[4 markah]

F1 Mengisytiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali /ZOPFAN

F2 Menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau /global

F3 Mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar / Amerika Syarikat Rusia / China

F4 Menyelesaian konflik serantau

F5 Menyelesaikan konflik politik yang berlaku di Indochina

F6 Menyelesaikan ancaman komunis / pelarian di Vietnam, Kemboja

F7 Menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam

F8 Menyelesaikan isu di Kemboja melalui pilihan raya pada tahun 1993

F9 Membentuk kerjasama dalam bidang ekonomi

F10 Memulakan Projek Industri ASEAN (AIP) pada tahun 1978

F11 Menghasilkan pengeluaran baja urea di Indonesia (1984) / Malaysia (1986)

F12 Mengeluarkan baja fosfat/ kuprum di Filipina / Menghasilkan serbuk soda di Thailand

F13 Menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN

F14 Mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas

F15 Menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN / Skim Keutamaan Perdagangan (SKP)

F16 Menjalin kerjasama dalam bidang sosial

F17 Menubuhkan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara / SEAMEO

F18 Menjalankan kerjasama dalam bidang pendidikan / pertukaran pelajar

F19 Menubuhkan Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik / RECSAM di Pulau Pinang

F20 Menjalankan kerjasama dalam bidang kebudayaan

F21 Menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN

F22 Mengadakan festival kebudayaan/ kesenian

F23 Menjalinkan kerjasama dalam bidang sukan

F24 Menganjurkan Sukan SEA

(ii) NAM

[4 markah]

F1 Menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM kali ke 13 pada tahun 2003

F2 Menyuarakan isu Palestin melalui Deklarasi Kuala Lumpur NAM

F3 Membantah serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq

F4 Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003-2006

F5 Lantang menyuarakan isu pencerobohan hak asasi manusia / negara lain

F6 Menyuarakan isu Aparteid di Afrika Selatan melalui NAM

- F7 Bersetuju agar Afrika Selatan dikenakan tekanan politik / ekonomi
- F8 Membangkitkan isu Bosnia dan Herzegovina yang ditekan oleh Serbia
- F9 Bersama negara anggota berjaya menggantung keahlian Yugoslavia dari NAM
- F10 Menerima sejumlah pelarian Bosnia dan Herzegovina
- F11 Melaksanakan dasar aman dan berkecuali
- F12 Bersuara agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali
- F13 Meminta negara China / Rusia / Amerika Syarikat untuk tidak campur tangan / memberikan tekanan kepada rantau Asia Tenggara
- F14 Menandatangani Perisytiharan Lusaka untuk mengharamkan senjata nuklear

(iii) OIC

[4 markah]

- F1 Mencadangkan kewujudan sebuah pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan orang Islam sedunia
- F2 Menjadi tuan rumah Persidangan Pertama Kongres Islam Sedunia Rantau Asia Tenggara (1964)
- F3 Menjadi tuan rumah bagi Persidangan Islam Antarabangsa yang membawa kepada tertubuhnya OIC
- F4 Tunku Abdul Rahman Putra al-I laj schagai Setiausaha Agung pertama OIC
- F5 Tun Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Pengerusi OIC pada tahun 2003
- F6 Menolak tohmahan masyarakat Islam dikaitkan dengan keganasan
- F7 Mengetengahkan nilai kesederhanaan / menolak keganasan
- F8 Memberikan penekanan kepada pembangunan pendidikan / sosial
- F9 Membantu memberi pembiayaan pelajaran dan kebajikan
- F10 Membantu penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- F11 Memberi biasiswa kepada pelajar dari negara luar ketika belajar di UIAM
- F12 Menangani isu politik negara Islam
- F13 Menjadi perantara menyelesaikan konflik Iran-Iraq
- F14 Menyokong perjuangan rakyat Palestin / PLO
- F15 Menjadi tuan rumah Persidangan Keserantau Asia berkaitan dengan Palestin
- F16 Menyokong hak rakyat Palestin menentukan nasib sendiri / mempunyai sebuah negara yang merdeka
- F17 Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Regim Kabul
- F18 Membncarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur
- F19 Membangunkan ekonomi negara anggota
- F20 Menyertai Bank Pembangunan Islam (IsDB) untuk mendapat pinjaman
- F21 Mendapat pinjaman/ pembiayaan projek pembangunan
- F22 Menubuhkan Bank Islam Malaysia Berhad

- (b) Malaysia perlu memanfaatkan hubungan baik dengan negara luar, dan tidak menjadi 'katak di bawah tempurung' serta enggan bekerjasama dengan negara lain.

Sumber: <https://www.astroawani.com>

Berikan pandangan anda terhadap pernyataan tersebut.

[8 markah]

- Bebas daripada ancaman kuasa besar
- Malaysia menyertai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
- Mengamalkan dasar berkecuali
- Menjalinkan hubungan dengan negara Blok Timur dan Blok Barat
- Mengelak berlakunya konflik atau peperangan
- Berjaya menyelesaikan pelbagai isu antarabangsa serantau
- Urusan politik / pentadbiran berjalan lancar
- Memacu ekonomi negara / pelaburan meningkat
- Negara aman dan rakyat hidup sejahtera

2. Pelibatan Malaysia dalam negara serantau membolehkan negara kita menjadi anggota ASEAN yang memberikan manfaat dalam ekonomi, sosial dan politik.

a) Jelaskan sejarah penubuhan ASEAN.

[3 markah]

- F1 Bermula penubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA)
- F2 Merupakan gabungan pertama melibatkan Malaysia/Filipina/Thailand
- F3 MAPHILINDO diwujudkan antara Malaysia/Filipina/Indonesia pada tahun 1963
- F4 Menyelesaikan isu pembentukan Malaysia
- F5 Gagal mencapai matlamat
- F6 ASEAN diwujudkan pada 8 Ogos 1967
- F7 Untuk meningkatkan semangat setia kawan dan keserantauan
- F8 Pada awal dianggotai lima negara
- C8 Malaysia / Indonesia / Singapura / Filipina / Thailand
- F9 ASEAN menerima lima lagi anggota baharu
- F10 Brunei / Myanmar / Laos / Kemboja / Vietnam
- F11 Penubuhan ASEAN dianggap sebagai kejayaan cemerlang terhadap dasar luar Malaysia

b) Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk kerjasama ekonomi dengan ASEAN. Terangkan bentuk kerjasama tersebut.

[3 markah]

- F1 Projek Industri ASEAN (AIP)
- F2 Projek pengeluaran baja urea
- C2 Indonesia (1984) / Malaysia (1986)
- F3 Pengeluaran baja fosfat / kuprum di Filipina
- F4 Penghasilan serbuk soda di Thailand
- F5 Malaysia menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN
- F6 Mewujudkan pasaran tunggal ASEAN yang bebas
- F7 Malaysia menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai produk keluaran negara anggota ASEAN
- F8 Di bawah Skim Keutamaan Perdagangan (SKP)

(c) Kuala Lumpur, 5 Jun (Bernama) – ASEAN, yang selalu menjadi blok serantau yang kukuh, dinamik dan tangkas dalam menghadapi cabaran daripada kuasa-kuasa besar, kata Setiausaha Agung ASEAN Dr Kao Kim Hourm.

Sumber : Bernama

Uraikan pernyataan tersebut.

[4 markah]

- ASEAN menjadi blok serantau yang kukuh, dinamik dan tangkas
- Menghadapi cabaran daripada kuasa-kuasa besar
- Persaingan antara kuasa besar
- Memastikan perpaduan antara negara ASEAN kukuh
- Membentuk keselamatan dan kestabilan rantau ASEAN

3. Gambar berikut menunjukkan logo pertubuhan Komanwel



a) Jelaskan latar belakang pertubuhan Komanwel.

[4 markah]

- F1 Sebuah badan yang dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang telah merdeka
- F2 Ditubuhkan untuk membina semangat setia kawan negara anggota serta
- F3 Mewujudkan kerjasama pelbagai bidang
- F4 Memperjuangkan hak asasi manusia
- F5 Mengadakan kerjasama pengurusan isu antarabangsa

b) Huraikan manfaat yang Malaysia peroleh melalui penyertaan dalam Komanwel. [8 markah]

- F1 Mengekalkan kedaulatan negara
- F2 Menjamin pertahanan negara daripada pencerobohan Indonesia semasa konfrontasi
- F3 Membincangkan hal-hal kepentingan bersama melalui
- F4 CHOGM
- F5 Menjalin hubungan baik dengan negara luar
- F6 Meningkatkan ekonomi negara melalui pelaburan asing
- F7 Kerjasama bidang perdagangan
- F8 Eksport Malaysia ke negara Komanwel dikenakan cukai rendah
- F9 Kemudahan kredit dan bantuan dana Komanwel
- F10 Rancangan Colombo
- F11 Memberi khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan
- F12 Memupuk hubungan persahabatan
- F13 Melalui Sukan Komanwel

c) Malaysia telah menyumbang terhadap keamanan dan kesejahteraan dunia melalui Komanwel. Berikan hujah anda. [8 markah]

- F1 Menentang Dasar Apartheid
- F2 Menyalahgunakan hak asasi manusia Menyebabkan Afrika Selatan menarik diri daripada Komanwel
- F3 Deklarasi Langkawi
- F4 Berkaitan alam sekitar
- F5 Sukan
- F6 Mengajukan Sukan Komanwel
- F7 Bantuan teknologi
- F8 Getah (benih/cara penanaman/penorehan)
- F9 Kepada Sri Lanka
- F10 Memberi biasiswa melalui Komanwel
- F11 Kepada pelajar luar British/ Kanada/India/New Zealand) untuk belajar di Malaysia
- F12 Membincangkan masalah dadah

4. (a) Jelaskan matlamat dasar luar Malaysia. [4 markah]


- F1 Mempertahankan kemerdekaan
- F2 Memperkukuhkan kedaulatan negara
- F3 Melindungi kepentingan nasional
- F4 Memajukan kepentingan Malaysia
- F5 Memupuk hubungan baik dengan negara luar
- F6 Menghadapi perkembangan politik
- F7 Mendepani cabaran ekonomi
- F8 Menghadapi cabaran sosial

(b) Terangkan faktor penggubalan dasar luar Malaysia. [8 markah]

- F1 Ikatan sejarah
- H1a Nilai sejarah yang dilalui berdasarkan ikatan sejarah dengan negara lain

- H1b Ikatan sejarah / budaya dengan negara serantau / antara bangsa
H1c Singapura / Brunei / Indonesia / Filipina / Thailand / Burma / China / India
H1d Ikatan keagamaan sejak sekian lama
H1e Arab Saudi / Mesir / Yaman / Turki
H1f Menyertai pertubuhan Komanwel selepas merdeka
F2 Keperluan nasional
H2a Menjaga kedaulatan negara
H2b Membuat dasar yang menguntungkan negara
H2c Kedudukan strategik membentuk dasar luar dengan negara serantau
H2d Menjalinkan hubungan baik dengan negara luar tanpa mengira ideologi
H2e Menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara
H2f Mengamalkan dasar luar yang bebas / berkecuali
F3 Kepimpinan
H3a Kebijaksanaan / kebolehan pemimpin menjadi asas penggubalan
H3b Kepekaan pemimpin terhadap perkembangan antarabangsa
H3c Menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun
H3d Perubahan daripada cenderung menjalinkan hubungan dengan negara maju
H3e Afrika / negara kepulauan di Pasifik Selatan
F4 Persekitaran luar
H4a Perubahan politik / ekonomi / sosial antarabangsa
H4b Dasar negara probarat ketika Perang Dingin
H4c Dasar tidak berpihak pada tahun 1970-an

(c) Infografik berikut berkaitan dengan keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa.

KEANGGOTAAN MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA	
	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) • Ditubuhkan pada tahun 1967 • Meningkatkan semangat setiakawan dalam kalangan negara serantau
	Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) • Ditubuhkan pada tahun 1969 • Mewujudkan kerjasama di antara umat Islam sedunia
	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) • Ditubuhkan pada tahun 1945 • Mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia

Mengapakah Malaysia perlu memperkukuhkan keanggotaan dalam pertubuhan tersebut?
Berikan penjelasan anda. [8 markah]

- Dapat menjamin keselamatan negara
- Sekaligus memelihara kedaulatan negara
- Berbaik-baik dengan semua negara anggota
- Mengembangkan potensi ekonomi negara
- Melibatkan urusan import dan eksport
- Memasarkan produk tempatan
- Membantah pencerobohan terhadap negara Islam
- Menentang Israel yang menceroboh Palestin
- Menyokong semua prinsip kerjasama antara anggota
- Menekankan keamanan dunia seagat

TINGKATAN 5 BAB 10: KECEMERLANGAN MALAYSIA

1. Malaysia memainkan peranan penting dalam isu kemanusiaan dan keamanan pada peringkat antarabangsa dan serantau.

(a) Terangkan pelibatan Malaysia dalam menangani isu Palestin.

[4 markah]

F1 Melalui pelibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan/ NGO

C1 Aman Palestin

Hc1a Membantu secara kolektif/sistematik/berterusan /berkesan

Hc1b Bantuan kebajikan / sumbangan orang ramai

C2 Majlis Perundingan Pertubuhan Malaysia/ (MAPIM)

Hc2a Menjalankan kerja kesukarelawan

Hc2b Mengadakan Hari Solidarity Rakyat Palestin

C3 Cinta Gaza Malaysia (CGM)

Hc3a Aktiviti kutipan/ sumbangan kepada penduduk Gaza

Hc3b Melancarkan Projek Ramadan 2020

Hc3c Bantuan perubatan/kebajikabelia/teknologi hijau/infrastruktur/pendidikan /pengajian Al-quran/seni budaya

F2 Pelibatan kerajaan Malaysia

H2a Menyuarakan pandangan dalam pertubuhan antarabangsa /serantau

H2b Disuarakan oleh semua Perdana Menteri Malaysia

H2c Memperjuangkan hak/keadilan rakyat

F3 Palestin Pelibatan rakyat Malaysia/ Mengadakan demonstrasi tanda sokongan

H3a Menubuhkan Tabung Palestin untuk kutip sumbangan kewangan

H3b Program kemanusiaan Freedom Frotilla Movement

H3c Menghantar bantuan makanan/perubatan

H3d Aktiviti kesukarelawan/misi kemanusiaan

H3e Melibatkan Dr Fauziah Mohd Hassan/Dr Mohd Afandi Salleh

(b) Mengapakah krisis kemanusiaan dan keamanan masih berterusan sehingga ke hari ini?

[8 markah]

F1 Tiada jaminan keselamatan kepada penduduk negara yang berkonflik

F2 Ketamakan kuasa politik

F3 Kerakusan mendominasi ekonomi

F4 Runtuhnya nilai insan sejagat

F5 Tiada ketegasan di kalangan pemimpin dunia

F6 PBB tidak memberikan perhatian serius kepada negara yang ditindas

F7 Perebutan kawasan dalam sesebuah negara

F8 Perbincangan/Mesyuarat yang tiada kata putus

F9 Wujudnya konflik berkepentingan

F10 Ada kuasa besar mencabul hak negara miskin/ditindas

F11 Suara negara bergolak tidak didengari oleh pemimpin besar dunia

F12 Tiadanya semangat kemanusiaan yang tinggi di kalangan negara di dunia

F13 Tiada kerjasama ahli gabungan dalam pertubuhan antarabangsa

F14 Sikap pilih kasih negara maju/berat sebelah

(c) Baca petikan berikut.

Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM) ingin berterima kasih terhadap tindakan tegas Parlimen Malaysia menggesa penyingkiran Israel daripada keahlian Petubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan membantah rancangan Israel menceroboh wilayah.

Tindakan tegas ini mencerminkan prinsip mulia yang diperjuangkan Malaysia dan membuktikan penyatuan kukuh kepimpinan dalam kalangan ahli Parlimen Malaysia tanpa mengira latar belakang parti politik sama ada kerajaan atau pun pembangkang.

Luqman Arif Abdul Karim sumber : <https://www.bharian.com.my>. 17 Julai 2020

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

- Parlimen Malaysia menggesa penyingkiran Israel daripada PBB
- Membuktikan Malaysia serius dalam membela isu Palestin.
- Pandangan yang sama di suarakan dalam OIC,NAM ASEAN
- PCOM membantah rancangan Israel menceroboh wilayah
- Pencerobohan ini menjadikan bumi Palestin semakin sempit
- Membawa kepada kehilangan hak membina petempatan
- Wilayah yang ada sekarang ialah Semenanjung Gaza /Tebing Barat
- Mencerminkan prinsip mulia yang diperjuangkan Malaysia
- Prinsip ini diperkuatkan dengan semangat seagama
- Perjuangan membela orang Islam yang teraniaya
- Penyatuan kukuh kepimpinan dalam kalangan ahli Parlimen Malaysia
- Berjuang atas dasar sifat kemanusiaan dan cintakan keamanan

2. Gambar berikut berkaitan pelibatan Malaysia dalam isu global kontemporari



Delegasi negara anggota ASEAN dalam Mesyuarat Kali ke-40 Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Perkara Dadah di Siem Reap, Kemboja, 2019.

(a) Apakah langkah yang diambil oleh Malaysia bagi mencegah penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa? [6 markah]

- F1 Menyuarakan bahaya penyalahgunaan dadah dalam forum antarabangsa
- F2 International Drug Enforcement Conference – IDEC (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa)
- F3 Mendapatkan kerjasama daripada International Criminal Police Organization – INTERPOL (Polis Antarabangsa)
- F4 Bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi menangani masalah dadah.
- F5 Kawalan sempadan perlu lebih ketat bagi menghalang kemasukan dadah
- F6 Menjatuhkan hukuman mati bagi kesalahan mengedarkan dadah
- F7 Memberikan kesedaran mengenai bahaya dadah sejak dibangku sekolah

(b) Malaysia memainkan peranan penting pada peringkat antarabangsa dalam isu kemanusiaan dan keamanan. Buktikan. [6 markah]

- F1 Melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin
- F2 Menubuhkan Tabung Palestin
- F3 Mengutip sumbangan kewangan kepada mangsa Zionis
- F4 Menghantar bantuan makanan dan perubatan
- F5 Program Freedom Flotilla yang digerakkan oleh Free Gaza Movement.
- F6 Menyertai misi kemanusiaan
- F7 Program “Women’s Boat to Gaza “
- F8 Menyuarakan kekejaman, pengusiran dan pembunuhan rakyat Palestin pada peringkat pertubuhan Antrabangsa.
- F9 OIC dan PBB
- F10 Menubuhkan Pusat perlindungan kepada pelarian Palestin
- F11 Membantu rakyat Syria menangani masalah kekurangan makanan dan kemudahan perubatan.

- F12 melalui pertubuhan-pertubuhan NGO
- F13 Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)/Cinta Syria Malaysia(CSM)/ Global Peace Mission(GPM)
- F14 Bersedia menerima 3000 orang pelarian warnganegara Syria dalam tempoh 3 tahun secara sukarela.
- F15 Melancarkan bantuan segera keperluan perubatan , keperluan harian dan makanan kepada mangsa bencana alam Tsunami di Aceh dan Sri Langka.
- F16 Antara NGO yang terlibat ialah Malaysia Medical Relief Society (MERCY Malaysia) Angkatan Belia Malaysia (ABIM)/ Yayasan Restu.

(c) Kerjasama dalam kalangan masyarakat penting bagi mengawal penularan wabak penyakit di Malaysia. Berikan ulasan anda. [8 markah]

- F1 Menyokong dasar kerajaan dalam usaha membendung penularan wabak penyakit
- F2 Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa
- F3 Perintah kawalan pergerakan
- F4 Perkongsian maklumat berkaitan penularan wabak
- F5 Tidak menyebarkan maklumat yang palsu atau tidak sah bagi mengelakkan wujud situasi panik dalam masyarakat.
- F6 Mengamalkan sikap prihatin dan bertanggungjawab dalam memerangi penularan wabak.
- F7 Menawarkan diri sebagai barisan sukarelawan bagi membantu usaha mencegah penularan wabak.
- F8 Mengamalkan gaya hidup sihat .
- F9 Sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran

LET SCORE A in SPM !

- Contoh soalan jawapan diberi adalah berdasarkan Ramalan SPM 2025
- Untuk pemahaman sepenuhnya, sila rujuk pada nota buku teks atau nota ringkas pada studytips apps.
- Kita pecahkan rekod SPM kali ini

Terms & Conditions

- The information provided is for education purposes only and should not be considered as leak of question papers.
- The organizer disclaims all liability for any loss, damage or personal suffered directly or indirectly from reliance on such information
- The tips provided are considered as **forecast questions** and there is no warranty of its accuracy
- However all effort has been made to provide the most possible tips towards SPM questions.

This PROJECT IS FREE

ONLY THOSE WHO WANT TO SCORE, NEED TO JOIN

REMEMBER: We are just trying to help!

Semua Hak Cipta Terpelihara telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Tiada sebarang bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula atau dionlinekan. Mereka yang melanggar boleh didakwa.